



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Subject Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : May – August 2017
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 12 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS

Petikan (i)

Petikan Drama-Tiang Cengal Dinding Sayung

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sani terkedu. Suasana menjadi sepi seketika. PAK MAN memerhatikan SANI mengesat air matanya yang bergenang.

- PAK MAN : Oh, ya! Kakak kamu tak balik lagi, Sani?
- SANI : (Tenang) Kak Ngah, susah rasanya. Maklumlah tinggal jauh. London! Bukan macam dari sini ke Alor Setar, Pak Man. Kak Teh tidak balik mungkin sebab susah hendak tinggalkan kedainya. Maklumlah orang berniaga.
- PAK MAN : Sani, waktu seperti ini, kita tidak boleh berikan alasan. Apa cara sekalipun kita kena balik. Yang malang itu, bapa kamu. Yang sedang menderita itu, emak kamu. Inilah masanya kamu hendak balas budi orang tua kamu.
- SANI : Betul cakap Pak Man. Saya pun ingat macam tu, tetapi apabila fikir fasal pekerjaan abang dan kakak, saya rasa mereka terikat. Jadi serba salah dibuatnya.
- PAK MAN : Sani, pernah atau tidak kamu terfikir bagaimana seksanya seorang emak membesarkan anak-anaknya? Sakit peningnya? Tak tidur malamnya? Pakaianya? Makan dan minumannya? Belanja sekolahnya? Pada fikiran kamu, ada atau tidak emak kamu lari daripada tanggungjawabnya? Aku rasa tidak. Tidak ada, Sani. (Berhenti seketika untuk menyalakan rokoknya yang sudah padam) Emak, ketika dia sakit, demam, atau dalam keadaan apa sekalipun, akan terus bertugas, bertugas tanpa henti kerana kasihnya tidak pernah putus. Tidak terbuka mulut emak kita untuk minta cuti, hendak minta dikecualikan daripada menjaga anak-anaknya. Inilah sifat mulia seorang ibu. Ingat Sani, **daun dapat dilayang, getah jatuh ke perdu** juga. Kalau emak sanggup berkorban, kenapa anak-anak tidak?
- SANI : (Tersentuh hati) Saya faham, Pak Man.

(Dipetik daripada drama “Tiang Cengal Dinding Sayung”
oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam antologi Dirgahayu Bahasaku,
Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan peribahasa “**daun dapat dilayang, getah jatuh ke perdu**”?
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan drama di atas, berikan **EMPAT (4)** sifat mulia seorang ibu.
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, wajarkah kakak dan abang Sani tidak pulang apabila keluarga ditimpa musibah? Berikan **DUA (2)** alasan anda.
(4 markah)

Petikan (ii)

Usaha *membasmi kemiskinan tegar* menjadi agenda utama kerajaan menjelang 2010. Bagi meringankan beban rakyat, usaha diambil dengan memperuntukkan RM214 juta bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk tujuan pembasmian kemiskinan.

Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama khusus untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat. Kerajaan juga telah membantu rakyat dengan menambah baik infrastruktur awam. Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk menambah baik infrastruktur yang rosak serta menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian, menyelenggara dan membaik pulih pelbagai kemudahan dan prasarana awam. Selain itu, kerajaan menaik taraf pelbagai kemudahan asas di luar bandar seperti bekalan elektrik dan air terutama di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi rakyat melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak seperti pembesaran Lapangan Terbang Sibu, Sarawak dan Projek Sistem Penghantaran Elektrik Kota Kinabalu, Sabah.

Kini, terdapat beberapa program mikrokredit tanpa cagaran disediakan oleh pelbagai pihak seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, AgroBank dan TEKUN. Program ini bertujuan untuk membantu peniaga kecil di bandar dan luar bandar. Kaedah lain yang dilaksanakan adalah dengan memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik seperti warga emas, golongan kurang upaya dan ibu tunggal. Bantuan yang diberikan adalah seperti program jaringan keselamatan sosial, bantuan kewangan dan bilangan tenaga kerja, meningkatkan kemudahan pusat penjagaan warga tua, memantapkan pengurusan rumah perlindungan wanita dan menambahkan kemudahan pusat asuhan kanak-kanak. Di samping itu, kerajaan menggalakkan pihak bank untuk menanggung bayaran balik pinjaman perumahan.

Kesimpulannya, kerajaan yakin usaha yang dirangka dan dilaksanakan adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus dalam kancah kemelesetan yang mendalam sehingga memberi kesan kepada rakyatnya.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana ,‘Pakej RM60b Perkukuh Ekonomi Negara Hadapi Kegawatan Global’, Berita Harian, 11 Mac 2009)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **membasmi kemiskinan tegar**?
(2 markah)
2. Berikan **EMPAT (4)** usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan?
(4 markah)
3. Nyatakan **DUA (2)** cara rakyat dapat menangani krisis ekonomi negara.
(4 markah)

TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. tua kerepot
- II. kurus kering
- III. gagah berani
- IV. cantik molek
- V. riang gembira

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. "Jangan kamu engkar dengan nasihat ibu kerana syurga itu mengada di bawah tapak kaki ibu," pesan abang kepada adiknya yang sangat nakal.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- II. Dailog peradaban merupakan satu usaha yang melakukan untuk memupuk persefahaman dan keamanan antarabangsa.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- III. Jurujual kereta akan mendapat komisyen jualan dalam masa tiga hari pekerjaan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- IV. Seniman P.Ramlee merupakan lagenda sepanjang zaman yang sukar mencari ganti.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- V. Encik Guan telah pun membuat laporan polis mengenai kes merompak yang berlaku di rumahnya malam tadi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2
ARAHAN

: SOALAN ESEI (30 MARKAH)

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Dewasa ini, para peniaga sudah mula berlumba-lumba untuk menghasilkan produk sendiri. Namun begitu, ada dalam kalangan mereka terhenti di tengah jalan kerana strategi pemasaran yang kurang berkesan. Bincangkan strategi untuk memasarkan produk yang berkesan.

SOALAN 2

Serangan jantung adalah merupakan punca utama yang menyebabkan kematian terutamanya kepada lelaki. Apakah faktor-faktor yang mendorong seseorang menghadapi penyakit jantung dan berikan langkah-langkah untuk mencegahnya.

SOALAN 3

Tulis sebuah cerita yang menarik berdasarkan peribahasa "Harapkan Pegar, Pegar Makan Padi"

(30 markah)

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT